

# Sahur percuma setiap Rabu

SINAR HARIAN (SENTRAL) 18 JUN 2016 m/s 27



**Mahasiswa UMP menikmati juadah sahur yang disediakan secara percuma pada setiap Rabu.**

**KUANTAN** - Lebih 100 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) berpeluang menikmati sahur percuma bertempat di Student Lounge, Kolej Kediaman Kedua pada setiap Rabu sejak minggu pertama Ramadan.

Pengarah program, Muhammad Syafiee Sungali berkata, program itu adalah susulan daripada Program Sarapan Percuma yang diberikan kepada pelajar Mei lalu.

Menurutnya, Program Sahur Percuma sepanjang Ramadan itu dianjurkan Perwakilan Mahasiswa Kolej

Kediaman (PEKA) 2 dengan kerjasama Pusat Kesihatan Universiti (PKU) UMP.

“Program ini bertujuan memudahkan pelajar bersahur secara tidak langsung ianya dapat mengurangkan beban kewangan pelajar di hujung semester dan pelajar diploma yang baru mendaftar awal Jun lalu.

“Program sahur ini bermula sekitar jam 4 pagi dengan pelbagai hidangan menu menarik setiap minggu, antaranya seperti nasi dan nasi goreng ayam berempah,” katanya.